

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS (AUTISME)

Ahmad Shafiq Mat Razali, Nurzul Nadhirah Zolkepli
Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Kajian ini memfokuskan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk perhatian pelajar autism bagi mempelajari pendidikan Islam. Sehingga kini, kanak-kanak autistik sebenarnya boleh melihat dan mendengar. Kecacatan mental yang dihadapi menyebabkan mereka sukar untuk memahami dan mentafsir maklumat yang diperolehi. Mereka juga dilihat seperti tidak tahu memulakan atau melibatkan diri dalam komunikasi. Kajian ini memfokuskan kepada strategi pengajaran dan pembelajaran guru terhadap pelajar berkeperluan khas (autisme) di Yayasan Pendidikan al-Quran bagi anak-anak istimewa (Yayasan Faqeh). Kajian ini dijalankan dengan cara temubual semi struktur serta pemerhatian tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pakar yang berlaku dalam bilik darjah. Dapatan kajian pula bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas perlulah mempunyai ciri-ciri yang mudah dan berbentuk visual.

Kata Kunci : Pendekatan, Guru Pendidikan Islam, Yayasan Faqeh

1.0 PENGENALAN

Di dalam era pendidikan kini, kemahiran guru mengaplikasikan strategi atau teknik bagi menarik perhatian pelajar untuk belajar adalah suatu aset yang paling berharga. Bukan sahaja pelajar yang normal malahan pelajar berkeperluan khas juga guru perlu diberikan perhatian yang lebih dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi pelajar yang berkeperluan khas sudah pasti pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah berbeza kerana mereka dikategorikan sebagai murid yang ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pandangan, ketidakupayaan bertutur. Justeru itu, teknik dan strategi yang digunakan sudah pasti berbeza.

Menurut Leo Kanner (1943) dan White, et.al. (2012) kanak-kanak berkeperluan khas ini ialah kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan bahasa yang lewat, mempunyai keupayaan intelektual normal, mempunyai masalah sistem saraf dan terdiri dari golongan yang berada. Hasil daripada kajian ini, kanak-kanak autisme ini mempunyai masalah biologi. Kanak-kanak autisme ini sering menunjukkan ketidakupayaan mereka dalam perkembangan sosial, komunikasi dan juga tingkahlaku.

Selain itu, ASD ini didedahkan dengan permasalahan dalam pertuturan, permasalahan dalam menguruskan diri. Menurut Knoch & Barton (2011) di dalam kajian mereka, kanak-kanak autisme ini mempunyai kesukaran dalam fungsi kognitif seperti aspek tumpuan, menyusun, merancang, merencat, dan ingatan kerja. Oleh yang demikian telah dikaji di dalam kajian Novia Claudia Wijaya et.al (2016) telah menyatakan anak autisme memiliki beberapa ciri-ciri seperti kurangnya kemampuan untuk bersosial dengan orang sekelilingnya dan juga kurang kemampuan untuk mengatur emosi mereka. Selain itu anak autisme juga kurang memiliki kemampuan untuk berkomunikasi dan juga memberikan respons terhadap pembicaraan yang ditujukan kepadanya, minat yang mereka miliki juga terbatas, anak autisme juga sering melakukan sebuah gerakan secara berulang akan tetapi mereka tidak memiliki tujuan tertentu kerana mereka memiliki dunianya sendiri yang tidak dapat diketahui orang lain.

Oleh itu, guru juga perlulah mengetahui cara untuk kanak-kanak autism menyesuaikan diri mereka dengan emosi dan perkembangan kanak-kanak autism ini.

Bil	Kategori	Definisi
1	Kurang Upaya Pendengaran	Kepelbagaian tahap masalah pendengaran sama ada dengan/ tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran.
2	Kurang Upaya Penglihatan	Penglihatan yang terhad atau tidak dapat melihat di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan.
3	Kurang Upaya Fizikal	Individu yang kehilangan/ kekurangan pada mana-mana bahagian badan disebabkan ketidakupayaan sistem badan untuk berfungsi dengan baik dan menyukarkan pelaksanaan aktiviti harian.
4	Kurang Upaya Pertuturan	Gagal bertutur dengan baik yang mengakibatkan gangguan komunikasi secara sempurna oleh mereka yang berinteraksi dengannya.
5	Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biological, seperti autisme dan sindrom down.
6	Kurang Upaya Mental	Keadaan pesakit mental yang teruk walaupun setelah mendapatkan rawatan mental sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

2.0 4.1 ANALISIS DATA

Bahagian ini membincangkan tentang latar belakang responden yang telah ditemubual berdasarkan dua objektif kajian. Objektif pertama ialah mengetahui amalan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai terhadap pelajar autisme di yayasan pendidikan al-quran FAQEH yang mempunyai empat soalan. Seterusnya, objektif kajian yang kedua ialah meneroka kaedah kawalan emosi pelajar autisme di yayasan pendidikan al-quran FAQEH yang mempunyai tiga soalan. Oleh itu, terdapat tujuh soalan yang telah ditanya bagi mendapatkan maklumat kajian berdasarkan objektif kajian.

4.1.1 Latar belakang responden kajian

Dapatan kajian mengenai latar belakang seorang responden. Dapatan responden terbahagi kepada lima maklumat iaitu nama responden, umur responden, tempat tinggal responden, tahap pendidikan responden, jawatan di lokasi ini, pengalaman bekerja responden.

4.1.1.1 Latar belakang responden

Temu bual bersama dengan responden diadainkan di dalam rumah yang terletak di Nilai. Temu bual dilaksanakan dengan baik serta responden memberi maklumat yang menjawab persoalan maklumat temubual.


Jadual 4.1 latar belakang responden

PERKARA	MAKLUMAT
Nama	Nur saffawati binti mohd zain
Umur	24 tahun
Tempat tinggal	Kelantan
Tahap Pendidikan	Ijazah sarjana muda quran multimedia
Jawatan	Ketua guru

Responden ini merupakan salah satu guru yang terdapat di dalam yayasan faqeh ini. Beliau berusia 24 tahun dan telah memegang jawatan sebagai ketua guru di dalam Yayasan Faqeh ini. Beliau merupakan anak kelahiran di negeri Kelantan akan tetapi menetap di taman Nilai yang berdekatan dengan akademi yayasan pendidikan al-quran ini. Beliau merupakan guru yang mengajar pelajar autisme. Beliau juga mempunyai tahap pendidikan ijazah sarjana muda quran multimedia di universiti sains islam malaysia (USIM). Beliau menceritakan pengalaman beliau ketika menceburi mengajar pelajar autisme ini. Pada mulanya, beliau hanya mengikuti program yang diadakan di universiti sains islam malaysia (USIM) iaitu sukarelawan untuk program anak-anak istimewa ini dan setela itu pada setiap kali program diadakan beliau menaktifkan diri untuk terus mengikuti program ini. Setelah itu, pada tahun akhir pembelajaran di universiti sains islam malaysia (USIM), beliau memohon untuk membuat pelatih di yayasan faqeh ini. Setelah itu, beliau membuat keputusan untuk meneruskan bekerja dan berkhidmat di yayasan faqeh untuk anak-anak istimewa ini. Pengalaman beliau mengajar anak-anak istimewa ini melebihi 3 tahun. Beliau juga menceritakan tentang pengalaman ketika mereka di dalam keadaan tantrum dan sebagainya.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Temubual ini dijalankan secara kualitatif menggunakan kajian kes dengan temubual semi-struktur dan pemerhatian. Secara umumnya, rajah di bawah menyimpulkan secara ringkas maklumat yang diperlukan berdasarkan dua objektif kajian penyelidikan:



Rajah 4.1 Elemen dapatan kajian semasa temubual

Dapatan kajian ini menjawab dua objektif kajian yang terbahagi kepada beberapa pecahan soalan.

3.1 Amalan pendekatan pengajaran pembelajaran pelajar autisme di Yayasan Faqeh.

Objektif pertama ini untuk mengetahui apakah amalan pendekatan yang digunakan oleh guru-guru di yayasan faqeh. Soalan ini mempunyai pecahan kepada 4 soalan yang berkenaan dengan objektif pertama pengkaji. Soalan ini disoal dengan lebih mendalam tentang objektif pertama :

3.2 Amalan sebelum pengajaran pembelajaran pelajar autisme di Yayasan Faqeh.

3.2.1 Kerohanian

Dari pemerhatian pengkaji, di yayasan ini menekankan menjaga kerohanian di dalam diri. Mereka memberi pendedahan terlebih awal sebelum melakukan sesuatu perkara pada setiap hari. Tenaga pengajar meminta pelajar autisme ini mengambil al-quran dan menghafal dengan pendekatan yang digunakan sama ada pelajar yang verbal ataupun non verbal. Kemahiran utama yang perlu dikuasai ialah kemahiran aspek rohani iaitu memahami, mengimani, menghayati, mengamal, dan menyampaikan segala tuntutan asas ajaran islam yang terkandung dalam rukun iman dan rukun islam (Kamarul Azmi Jasmi 2017). Respondan menjelaskan bahawa perkara pertama yang mereka akan lakukan kepada pelajar autisme ialah berzikir, melakukan solat dhuha bersama-sama dan sebagainya. Seterusnya, responden menjelaskan dengan cara ini dapatlah bermuhasabah diri antara satu sama lain.

3.2.1 Menyediakan boring

Di dalam yayasan faqeh ini mempunyai strategi untuk menghafal al-quran dengan cara menyediakan borang. Setiap pelajar yang berada di sini mempunyai borang tkrar. Borang ini perlulah digunakan ketika pelajar-pelajar dapat menghafal dengan betul dan akan ditanda pada borang tersebut. Oleh yang demikian, dikalangan pelajar autisme terdapat pelajar yang non verbal. Golongan mereka sukar untuk berkomunikasi bersama mereka maka untuk mengetahui tahap pencapaian bagi menghafal, responden dan guru-guru di sini menggunakan kaedah mendengar al-quran digital

kemudian kami ada menyediakan buku latihan ataupun ada satu borang dan borang tu kita panggil borang tkrar dan borang untuk mereka menghafal dan diaorang akan tick

(RA01 , 86&87)

Di dalam pemerhatian pengkaji dapati bahawa, borang tersebut diletakkan berhampiran dengan pelajar-pelajar mengikut tahap mereka. Pelajar akan menggunakan pen digital untuk mendengar bacaan quran dan mereka akan menandakan di boring yang telah disediakan

Cara menarik perhatian pelajar autisme ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan Lazimnya bagi seorang guru menarik perhatian pelajar agar berminat untuk terus menyertai pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan untuk mencapai hasil pembelajaran yang baik, seorang guru perlu mempunyai strategi yang berkesan. Oleh itu, pengkaji menemubual tentang bagaimanakah responden menarik perhatian anak-anak istimewa ini.

3.2.2 Bermain

Respondan menyatakan dengan menggunakan pendekatan bermain ini dapat membantu menarik perhatian pelajar autisme untuk mengikuti pengajaran dan berjalan dengan lancar. Selain itu, responden menyatakan bahawa dengan menggunakan pendekatan bermain dapat memberi ganjaran jika pelajar autisme dapat menghafal surah yang dipelajari. Aktiviti bermain dianggap penting kerana melalui bermain kanak-kanak dapat membina pengetahuan (Marisson,2011). Pembelajaran melalui bermain lebih memberangsangkan melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, pelajar autisme mempunyai banyak tahap, maka ada sesetengah pelajar autisme ini tahap hiperaktif. Oleh itu, pendekatan bermain ini dapat memudahkan guru untuk menarik perhatian untuk lebih fokus. Pendekatan bermain berpotensi untuk diaplikasikan di prasekolah bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa (Aliza & Zamri, 2014). Responden juga menyatakan pendekatan bermain ini dapat mengikuti jiwa anak autisme ini akan tetapi dalam masa yang sama mereka dapat ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Pendekatan bermain berpotensi untuk diaplikasikan di prasekolah bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kemanusiaan.

bermain contohnya ada yang suka berlari kerana dia hyper, jadikan berlari tu reward untuk dia jadinya nak ke tak nak kita takkan lepaskan dia melainkan dia habiskan tkrar mereka dahulu dan mereka boleh berlari dan panggil balik dan sambung balik untuk tkrar dah selesai mereka boleh berlari semula. Reward untuk dia bila mendengar hafazan mereka. Depends kepada umur pelajar tersebut dan mengikut kesesuaian contoh dalam umur sekolah rendah tu boleh la kita ajak bermain sebab kat sini ada yang dah umur belasan so ikut kesesuaian lah.

(RA01,96-101)

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan terdapat pelajar yang sedang mengalami hiperaktif. Tenaga pengajar di yayasan ini menyertai

permainan bersama pelajar autisme. Selain itu, mereka akan mengajar atau membantu pelajar untuk menyertai pengajaran dan pembelajaran tersebut dengan cara bermain.

3.2.3 Pengalaman

Responden menyatakan di dalam Yayasan Fiqh ini akan memberi pendedahan awal kepada mereka agar mereka mengetahui peralatan, kedudukan yang terdapat di situ. Oleh itu, mereka mendapat pengetahuan sedia ada. Bagi pelajar non verbal sangat sesuai dengan kaedah ini, kerana untuk berkomunikasi dengan mereka amatlah sukar maka guru memainkan peranan yang tinggi untuk memberi pengetahuan sedia ada kepada pelajar non verbal untuk mempunyai pengalaman itu dan memudahkan guru untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran.

Kita memberi mereka pengalaman dahulu contohnya ambil al-quran dan ikut ustazah ambil quran dan kami menunjukkan ini alquran.

(RA,94&95)

3.3 Pendekatan yang digunakan amalan semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

3.3.1 Membuat aktiviti menampal menggunakan mikro.

Lazimnya untuk pelajar autisme ini tidak sama sekali dengan pelajar normal yang mampu menerima ilmu dengan cara satu hala sahaja malahan guru adalah peranan yang besar untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan. Responden menyatakan kebiasaannya mereka membuat kaedah ini sangat berkesan untuk pelajar yang non verbal. Responden menyatakan bahawa mereka akan meminta pelajar tersebut memerhatikan ayat yang telah disediakan dan menyebut perkataan tersebut. Setelah itu, guru akan membuka perkataan tersebut dan meminta pelajar itu menampal ayat yang sama dengan mengikut susunan ayat alquran ini. Oleh yang demikian, dengan pendekatan ini juga sesuai dengan pelajar non verbal kerana golongan seperti mereka tidak mampu untuk berkomunikasi dengan baik dan sukar untuk guru memahami tahap kefahaman seseorang pelajar autisme non verbal. Seterusnya, jika pelajar ini dapat meletakkan perkataan tersebut dengan betul maka tahap pengetahuannya tentang pembelajaran itu telah berkesan. Responden juga menyatakan, selain itu mereka menggunakan kaedah pengukuhan setelah pelajar tersebut dapat menyelesaikan dengan betul untuk surah. Di dalam kertas yang tertulis perkataan tersebut guru mempamerkan juga sesuatu yang boleh menarik perhatian pelajar itu agar mereka melakukan aktiviti itu contohnya meletakkan gambar kesukaan individu pelajar itu. Oleh yang demikian, setiap guru perlu menitikberatkan kesukaan setiap individu pelajar autisme ini kerana pelajar autisme ini mempunyai kecenderungan akan minat kepada sesuatu yang membuat mereka fokus. Responden ini juga mengatakan, mereka dapat juga mengetahui setiap individu pelajar tersebut terhadap minat pelajar itu.

kita gunakan tampal pakai mikro contohnya kan dalam satu kertas ada banyak petak-petak dan ada satu gambar dengan mikro dan dalam gambar tu kadang kadang ada gambar yang dia minat contoh macam agen ali ke so dia boleh buat sebab dia suka,

(RA,107-109)

Ketika pengajaran dan pembelajaran terdapat golongan pelajar autisme yang tidak mampu berkomunikasi dengan baik akan tetapi mereka di minta melakukan aktiviti menampal perkataan kalimah-kalimah yang tertera di alat bantu mengajar tersebut. Mereka di nilai melalui penyusunan kalimah tersebut. Reponden juga telah mempamerkan bahan bantu mengajar yang mana mereka akan membuat alat bantu mengajar mengikut surah yang telah dihafal.mereka

menitikberatkan pembelajaran dari umum kepada khusus. Contohnya, daripada kalimah dan pergi kepada setiap huruf.

3.4 Pendekatan yang digunakan amalan selepas pengajaran dan pembelajaran digunakan

3.4.1 Padanan

Responden menyatakan aktiviti ini dapat memberi keberkesanan yang jelas untuk membuat penilaian kepada pelajar autisme sama ada yang verbal atau non verbal. Responden menjelaskan mereka akan membuat pendekatan ini setelah selesai sub topik dalam pembelajaran. Pendekatan ini juga dapat menilai tahap individu pelajar autisme. Selain itu, pendekatan ini juga sesuai dengan pelajar autisme yang verbal dan non verbal.

pertama kita akan bagi padanan dahulu maksudnya biar dia tengok gambar potongan ayat itu apa padanannya sama jadinya mereka akan tampil jadi jika dia dah buat sampai ayat habis dan boleh padankan dan kita akan bukak semula dan kita akan bagi dekat dia tanpa melihat gambar pertama dan minta dia buat semula dan susun ayat tersebut dari situ kita boleh lihat dia boleh buat atau tidak. Kalau betul maksudnya dia dapatlah.

(RA01, 123-127)

3.5 Mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk mengawal emosi pelajar autisme di Yayasan Faqeh

3.5.1 kaedah yang sesuai mengawal emosi pelajar

3.5.1.1 Mengasingkan diri

Pelajar autisme ini kebiasaannya akan mengalami emosi yang tidak stabil. (Huzemah 2010) menyatakan bahawa autisme ini adalah seorang yang gagal dalam pengembangan dari segi sosial, dan komunikasi sehingga mereka perlu melakukan terapi bertujuan pemulihan anak autisme. Seterusnya, responden menyatakan jika tantrum ini berlaku pada anak autisme ini mereka akan mengasingkan pelajar ini agar tidak berjangkit kepada pelajar lain. Selain itu, responden ini menyatakan mereka akan memeluk anak ini sehinggalah mereka reda.

kita asingkan dia daripada kawan-kawan dia sebab mungkin dia tengah rasa macam tak selesa ataupun serabut dan kita akan bawa keluar dan masuk ke dalam office tu kita tutup pintu sekejap dan biar dia reda emm.. ataupun kita boleh peluk dia

(RA01,133-135)

3.5.1.2 Istigfar bersama-sama anak autisme

Jelaslah bahawa mendekat hati dengan mengisi kerohanian kalimah kalimah suci ini dapat menenangkan jiwa seseorang. Walhal untuk memahami kemahuan anak autisme ini amatlah sukar akan tetapi dengan beristigfar dapat meredakan emosi pelajar autisme ini.

kita marah tu kita nak bagitahu apa yang dia buat itu salah dan daripada situ kita kena tenangkan dia kita pujuk dia sampai dia reda dan bila dah okay kita minta dia istigfar tetapi kalau budak tu non verbal kita istigfar sekali dengan dia, kita peluk dia dan jika dia mengamuk kuat sangat kita peluk dia lama-lama dan biarkan dia mengamuk dan nanti lama-lama dia akan penat lalu dia kan berhenti.

(RA01,138-142)

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, bukan sahaja ketika pelajar tiada dalam keadaan emosi yang stabil malahan disini menitikberatkan beristigfar sebelum pengajaran dan pembelajaran dimulakan agar dilembutkan hati-hati mereka. Selain tenaga pengajar juga menyertai aktiviti mengisi kerohanian bersama-sama.

3.5.2 Tindakan selepas kawalan emosi stabil

3.5.2.1 Menggunakan ayat pelembut hati sebagai amalan

Strategi ini adalah untuk seorang guru mengamalkan dalam kehidupan seharian. Kalimah suci ini dapat melembutkan hati yang sedang marah. Responden menyakini dengan cara ini juga salah satu cara untuk meredakan anak autisme ini ketika dalam keadaan emosi yang tidak stabil.

Kita akan bawa ke kelas balik lah so dia akan semula. Kita asatizah ni kadang kadang ada belajar ayat yang pelembut hati dan perlu amal lah benda tu supaya pelajar-pelajar akan lembut hati dan macam senang kita nak kawal

(RA01, 147-149)

3.5.2.2 Memberi pengajaran dan pengalaman

Pengajaran untuk pelajar yang membuat kesalahan perlu di tegur dengan cara yang sesuai mengikut tahap mereka. Responden menyatakan mereka akan cenderung mengajar mereka untuk tidak melakukan kesilapan dan memberi pengalaman yang akan member kesan yang baik kepada pelajar autisme tersebut.

Ada satu pelajar ni pada masa tu dia tantrum lah dan kami ugut lah cakap masuk stor lah tapi dia tak takut la pada mulanya sekali kiteorang bawa letak dia dalam stor tu dan tahu tahu je la stor tu gelapnya macam mana dan bila dia dalam keadaan tu dia jadi takut dan bila dia tak dengar cakap atau pun tantrum kami akan cakap nak masuk stor tak? Dia akan cakap taknak sebab dia dah pernah alami benda tu dalam keadaan yang gelap

(RA01,181-185)

4.0 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada data temubual dan pemerhatian. Hasil daripada data temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan terhadap guru yang mengajar pelajar autisme, pengkaji mendapati pendekatan yang sesuai dan baik dapat menghasilkan keberkesanan terhadap peningkatan pelajar autisme. Selain itu, amalan pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar amat baik dan tersusun.